

20 DEC 1997

MAHATHIR: KERAJAAN TIDAK CADANG SEKAT IMPORT

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak ada rancangan menyekat import waktu ini sebagai langkah mengatasi masalah ekonomi tetapi menasihati rakyat supaya berjimat-cermat dan menggunakan lebih banyak barangan tempatan.

Pengorbanan yang dapat dilakukan oleh rakyat dari segi perbelanjaan akan membantu pemulihan ekonomi negara dalam masa yang singkat, katanya dalam satu wawancara khas bersama RTM di Angkasapuri hari ini.

"...kita harus ingat bahawa kita kurang pendapatan...masa kita mewah, kita buat cara orang mewah, masa kita tidak mewah kita tidak boleh berlagak macam orang mewah.

"Kalau kita sanggup berkorban sekarang ini insyaAllah dalam jangka masa yang pendek, akan pulih semula ekonomi negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata oleh kerana harga barangan import semakin meningkat, orang ramai bukan sahaja perlu menukar selera mereka kepada keluaran tempatan tetapi juga perlu lebih bijak mencari tempat berbelanja yang lebih menjimatkan.

"Cara kita melawannya (kenaikan harga) adalah mengurangkan penggunaan gula dan mentega sebagai contoh. Apa perlu kita guna mentega jika kita boleh menggunakan marjerin keluaran tempatan," katanya.

Kata Perdana Menteri biarpun harga keluaran tempatan juga meningkat kesan daripada kenaikan barangan import, ia bukanlah suatu isu besar.

"Kalau kita beli di supermarket dan tidak beli di tempat biasa tentulah naik. Dalam pada itu kita dapati bahawa hypermarket menjual barang dengan lebih murah," katanya.

Beliau juga mengingatkan supaya rakyat tidak boros berbelanja untuk persediaan perayaan-perayaan yang akan datang seperti Krismas, Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa.

Dr Mahathir berada di Angkasapuri untuk merakamkan ucapan Sambutan Tahun Barunya dan sekaligus mendengar lafaz ikrar taat setia daripada kakitangan dan pegawai Kementerian Penerangan dan penglibat seni tanah air.

-- BERNAMA

NI RON MA